

# SASTERA BERUNSUR AGAMA: KAJIAN KES BAHAN BACAAN WARGA TUA DI PERPUSTAKAAN NEGERI KELANTAN

Hashim ISMAIL<sup>1</sup>

Wan Ab Kadir WAN DOLLAH<sup>2</sup>

Mohd Fazli ABD. MALEK<sup>\*3</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Kesasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

<sup>2,3</sup> Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

shim@um.edu.my

rosmini242@gmail.com

fazlimalek37@gmail.com

Received: 1<sup>st</sup> March 2023

Accepted: 20<sup>th</sup> June 2023

## ABSTRAK

Jumlah populasi warga tua semakin meningkat dalam masyarakat Malaysia. Perangkaan terbaru 2020 menyatakan terdapat 2.3 juta orang warga tua (Syahidah Husna M. Bakeri, 2020). Kesejahteraan hidup mereka adalah antara indeks yang diperhatikan. Pengurusan masa lapang dan pengurusan ilmu pengetahuan adalah penting untuk kesejahteraan mereka. Justeru, perpustakaan boleh memainkan peranan penting bagi meninjau kecenderungan bahan bacaan yang sesuai untuk warga tua. Penulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis bahan bacaan sastera yang sesuai bagi keperluan warga tua dan seterusnya menganalisis kandungan bahan bacaan sastera yang dipilih mereka. Sebanyak empat buah perpustakaan telah dipilih untuk kajian kes bagi meninjau pola pembacaan mereka. Perpustakaan berkenaan ialah perpustakaan di Kota Bharu, Tumpat, Bachok dan Pasir Mas. Kajian berbentuk kuantitatif ini dijalankan menerusi kajian lapangan dan sebanyak 293 orang terpilih sebagai responden untuk menjawab borang soal selidik. Selanjutnya data akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Dapatan kajian yang dijalankan mendapati bahawa warga tua lebih cenderung untuk memilih bahan bacaan berunsur agama sebagai medium utama dalam menambahkan ilmu pengetahuan, selaras dengan umur mereka yang semakin meningkat. Secara keseluruhan, penulisan ini menyarankan agar jenis-jenis bahan bacaan warga tua diberikan perhatian oleh pusat-pusat sumber seperti perpustakaan awam dan perpustakaan desa yang sedia ada di luar bandar.

**Kata Kunci:** agama; bahan bacaan; Kelantan; perpustakaan luar bandar; warga tua

## RELIGION-BASED LITERATURE: CASE STUDY OF READING MATERIALS FOR SENIOR CITIZENS IN KELANTAN LIBRARIES

### ABSTRACT

The number of elderly people is increasing in Malaysian society. The latest 2020 statistics state that there are 2.3 million elderly people (Syahidah Husna M. Bakeri, 2020). The well-being of their lives is among the indices observed. How they spend their free time and manage knowledge is important to their well-being. Therefore, the library can play an important role in reviewing the tendency of suitable reading materials for the elderly. This writing aims to identify the type of literary reading material that is suitable for the needs of the elderly and further analyze the content of the literary reading material they choose. A total of four libraries were selected for case studies to review their reading patterns. The libraries in question are libraries in Kota Bharu, Tumpat, Bachok and Pasir Mas. This quantitative study was conducted through field research and a total of 293 people were selected as respondents to answer the questionnaire. The data will then be analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software. The findings of the study found that the elderly are more likely to choose religious reading material as the main medium in increasing knowledge, in line with their increasing age. Overall, this writing suggests that the types of reading materials for the elderly should be given attention by resource centers such as public libraries and rural libraries that exist outside the city.

**Keywords:** religion; reading materials; Kelantan; rural library; senior citizen

### Pengenalan

Fungsi perpustakaan adalah simbol kemajuan yang tidak hanya terhad sebagai pusat koleksi, pelestarian, penghasilan dan penyebaran ilmu, malah bertindak sebagai sebuah tempat untuk melahirkan para sarjana (Balqis, 2012). Perpustakaan dianggap berfungsi untuk membantu masyarakat dalam menyelesaikan masalah dalam kehidupan sehari-hari. Bagaimanapun, perkembangan teknologi maklumat yang dinamik menyebabkan fungsi perpustakaan sebagai sebuah tempat untuk mendapatkan maklumat semakin tercabar (Che Su Binti Mustaffa & Nan Zakiah Megat Ibrahim, 2014). Justeru, dapat dilihat bawa penggunaan perpustakaan dalam kalangan masyarakat semakin berkurangan dari hari ke hari kerana segala jenis maklumat boleh didapati dengan mudah dengan kewujudan jaringan internet melalui peranti-peranti canggih seperti telefon pintar, laptop dan sebagainya. Namun demikian, warga tua di luar bandar seperti kawasan kajian kes di Kelantan ini masih memanfaatkan perpustakaan untuk mendapat maklumat secara konvensional.

Fungsi perpustakaan sebagai salah satu medium untuk melaksanakan pendidikan sepanjang hayat didapati kekal relevan. Zawiyah Baba (2019) menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab perpustakaan untuk terus menjalankan fungsi utamanya, iaitu sebagai pusat teras maklumat, pendidikan sepanjang hayat dan pusat kebudayaan dan rekreasi. Fungsi-fungsi utama ini mampu digerakkan agar ia memberi kesan positif untuk jangka masa panjang kepada semua lapisan umur termasuk golongan warga tua.

Perpustakaan adalah sebuah badan sosial yang memudahkan penggunanya mencari dan memperoleh maklumat, menyelesaikan masalah dan menawarkan kegiatan lain. Perpustakaan boleh diibaratkan sebagai satu organisme hidup yang perlu terus berkembang melalui metode-metode pengoperasian yang sentiasa dikemaskini agar dapat memberi manfaat kepada para penggunanya. Fungsi sesebuah perpustakaan tidaklah terhad kepada aktiviti perolehan dan peminjaman buku sahaja, malahan ia penting untuk menyebarkan sumber ilmu yang lebih holistik dan komprehensif. Perpustakaan tidak boleh tercicir dengan kepesatan teknologi dalam membekalkan maklumat kepada para penggunanya (Zawiyah M. Yusof, 2010).

Penggunaan perpustakaan oleh warga tua dijangka semakin meningkat selaras dengan unjuran Penduduk Malaysia 1970-2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2019);

jumlah penduduk Malaysia mencatatkan peningkatan secara seragam, iaitu tahun 2000 dengan 22.2 juta orang, tahun 2010 dengan 27.5 juta orang dan tahun 2019 dengan 33.3 juta orang. Pada tahun 2000, dicatatkan bahawa jumlah penduduk berumur 60 tahun ke atas seramai 1.4 juta orang. Selanjutnya meningkat sehingga 2.2 juta orang pada tahun 2010 dan seterusnya seramai 3.4 juta orang pada tahun 2019.

Statistik menunjukkan bahawa seiring dengan bilangan rakyat Malaysia, golongan warga tua perlu diberi perhatian dari aspek perolehan maklumat dan penyebaran ilmu mereka. Bacaan yang sesuai untuk peringkat umur mereka dianalisis. Sebagai kajian kes, penduduk luar bandar di Kelantan, dipilih untuk melihat pencapaian dan perolehan maklumat sesuai dengan kehidupan harian mereka. Adalah dijangkakan warga tua Kelantan memilih bahan bacaan berunsur agama, termasuk bentuk bacaan sastera berunsur agama.

### Sorotan Kajian

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan oleh para penyelidik dalam dan luar negara berkaitan tentang warga tua. Namun, tiada kajian khusus membabitkan penglibatan warga tua dan bahan bacaan mereka di perpustakaan. Beberapa kajian lepas di bawah banyak menyentuh pembacaan golongan remaja dan pelajar sekolah.

Kajian Samsul Farid Samsudin *et al.* (2016) adalah berkaitan dengan pola pemanfaatan perpustakaan luar bandar oleh para remaja di Malaysia. Dapatan kajian mereka mendapati bahawa remaja dikenalpasti suka datang ke perpustakaan adalah disebabkan oleh kemudahan internet yang disediakan oleh pihak perpustakaan luar bandar. Kajian mereka memberi fokus kepada remaja tetapi mereka juga mendapati bahawa majoriti pengunjung yang hadir ke perpustakaan desa adalah terdiri daripada suri rumah tangga dan pelajar sekolah. Hal ini menggambarkan bahawa perpustakaan luar bandar sangat penting bukan hanya untuk satu golongan sahaja, bahkan bagi semua lapisan umur.

Seterusnya, kajian oleh Siti Zobidah Omar *et al.* (2016) memilih untuk mengenal pasti mutu perkhidmatan perpustakaan luar bandar di Malaysia. Keputusan kajian mereka menemukan bahawa beberapa masalah utama yang mengganggu mutu perkhidmatan sesebuah perpustakaan luar bandar, ialah bilangan staf, waktu beroperasi, papan tanda yang tidak jelas untuk ke perpustakaan luar bandar, proses peminjaman buku yang rumit, bahan bacaan yang tidak dikemaskini dan tidak menarik. Walaupun kajian ini berusaha untuk memperbaiki mutu perkhidmatan perpustakaan luar bandar, tetapi banyak lagi aspek lagi yang tidak diambil kira seperti perkhidmatan bacaan untuk golongan warga tua.

Amalan membaca dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia dikaji oleh Wan Ab Kadir Wan Dollah *et al.* (2017). Kajian ini menganalisis perkaitan antara amalan membaca dalam kalangan pelajar sekolah menengah dengan prestasi akademik mereka. Kajian juga menilai kemudahan prasarana perpustakaan untuk pelajar. Mereka mendapati bahawa pelajar sekolah menengah mempunyai kesedaran yang rendah terhadap kepentingan amalan membaca untuk meningkatkan prestasi akademik. Hal ini bertambah buruk lagi apabila kurangnya bahan bacaan akademik di perpustakaan. Malah, guru merangkap pustakawan sekolah juga tidak mendapat latihan yang intensif tentang tatacara pengurusan sumber-sumber bacaan.

Kebanyakan subjek kajian kepenggunaan di perpustakaan menunjukkan fokus terhadap kemudahan prasarana dan kelompok pembaca golongan pelajar. Bagaimanapun Alimah Salam dan Mohd Sharif Mohd Saad (2001), menjalankan kajian terhadap jenis sastera untuk kanak-kanak dan remaja di perpustakaan. Metodologi kajian mereka ialah dengan meninjau jumlah bahan sastera kanak-kanak dan remaja yang terdapat di Perpustakaan Negara, perpustakaan awam negeri dan perpustakaan bergerak. Mereka menganalisis fungsi dan halangan perpustakaan-perpustakaan di Malaysia dalam merangsang dan memperkenal sastera kanak-kanak dan remaja. Kajian mereka mendapati bahawa bahan bacaan sastera kanak-kanak dan remaja kurang diterbitkan. Kajian ini juga mendapati bahawa perolehan bahan bacaan berbahasa Inggeris adalah lebih bervariasi berbanding bahan bacaan dalam Bahasa Melayu bagi genre sastera kanak-kanak dan remaja.

Kajian lain tentang fungsi perpustakaan dikaji oleh Mohd Ismail Abidin, Hazlin Ibrahim Khan dan Siti Haidah Md. Aziz (2013). Kajian ini bersifat penelitian awal untuk mengkaji kesan penggunaan aplikasi Web 2.0 di perpustakaan-perpustakaan awam di Malaysia. Fokus golongan sasaran ialah tentang kesedaran dan penggunaan aplikasi ini oleh kumpulan remaja. Hasil kajian menemukan bahawa aplikasi Web 2.0 yang ditawarkan mendapat sambutan yang baik dan positif. Walaupun tatacara penggunaannya masih di peringkat pengenalan, aplikasi Web 2.0 mendapat sambutan yang menggalakkan daripada golongan pembaca remaja. Mereka mencadangkan agar aplikasi ini dipromosikan di masa hadapan termasuk kepada semua golongan pembaca.

Penggunaan perpustakaan desa atau luar bandar mendapat perhatian kajian Samsul Farid Samsudin (2014) yang menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan para remaja berminat untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan desa. Kajian ini mendapati bahawa kemudahan dan aktiviti yang sesuai dengan golongan remaja akan menggalakkan penggunaan perpustakaan.

Satu kajian lain berkaitan perpustakaan luar bandar turut dilaksanakan oleh Fatimah Abdillah (1999). Kajian beliau berobjektif untuk mengenalpasti keberkesanan perkhidmatan perpustakaan desa di Sabah. Kajian ini mendapati bahawa golongan yang menjadi pengunjung setia perpustakaan desa di Sabah adalah terdiri daripada kanak-kanak dan pelajar sekolah. Beliau merumuskan bahawa kehadiran ke perpustakaan desa yang berada di lokasi luar bandar boleh menyuntik pertumbuhan minat membaca dalam kalangan generasi muda. Kajian ini juga mencadangkan agar program-program untuk golongan kanak-kanak dan pelajar sekolah wajar diadakan di perpustakaan desa.

Umumnya, dapat dirumuskan bahawa kajian penggunaan perpustakaan difokuskan kepada isu pembaca remaja, dan prasarana yang terdapat di perpustakaan. Di samping itu, kajian terhadap fungsi perpustakaan desa menunjukkan ia berpotensi besar untuk ditingkatkan bergantung pada bentuk program yang diadakan. Bagaimanapun dari sorotan kajian di atas, golongan pembaca warga tua tidak pernah dikaji dari mana-mana aspek. Oleh yang demikian, penulisan ini adalah bertujuan untuk mengemukakan dapatan hasil kajian terhadap bahan bacaan warga tua di perpustakaan luar bandar, khususnya bahan berbentuk sastera berunsur agama.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini dijalankan di perpustakaan-perpustakaan yang terdapat di empat buah daerah di negeri Kelantan, iaitu Kota Bharu, Bachok, Tumpat dan Pasir Mas (Jadual 1). Kajian ini tertumpu kepada jenis bahan bacaan sastera yang terdapat di perpustakaan-perpustakaan tersebut. Daerah Kota Bharu dipilih kerana kawasan ini merupakan kawasan bandar pentadbiran negeri Kelantan, sekali gus menjadikan kawasan ini penting sebagai sebuah kawasan yang berbilang latar belakang pendidikan. Di samping itu, daerah Bachok, Pasir Mas dan Tumpat dipilih kerana kawasan ini merupakan kawasan luar bandar bagi Negeri Kelantan. Selain itu, kawasan ini merupakan adalah antara kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang berbilang bangsa dan agama.

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kuantitatif, dengan menggunakan borang soal selidik sebagai medium utama dalam proses pengumpulan data kajian. Seramai 293 orang responden terlibat dalam usaha mendapatkan data, bagi memenuhi syarat untuk menjalankan analisis statistik. Masa yang diperlukan untuk mengutip data adalah selama empat bulan, iaitu dari April hingga Julai 2019. Usaha pengumpulan data kajian telah dijalankan oleh enumerator yang ditugaskan di setiap perpustakaan yang terdapat di empat buah daerah tersebut. Selanjutnya, data yang telah terkumpul akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Kaedah analisis deskriptif telah dijalankan meliputi frekuensi dan peratus bagi mendapatkan gambaran penuh keputusan kajian.

### **Jadual 1: Senarai Perpustakaan Yang Terlibat**

Daerah	Nama Perpustakaan
Kota Bharu	Perpustakaan Awam Negeri Kelantan

	Perpustakaan Desa Kampung Sabak
Bachok	Perpustakaan Awam Cawangan Bachok
Pasir Mas	Perpustakaan Awam Cawangan Pasir Mas
	Perpustakaan Desa Kampung Bechah Semak
	Perpustakaan Desa Bunut Susu
	Perpustakaan Desa Kedai To' Uban
Tumpat	Perpustakaan Awam Cawangan Tumpat
	Perpustakaan Desa Kampung Ketil
	Perpustakaan Desa Kampung Bunohan
	Perpustakaan Desa Telaga Bata

### Hasil Kajian

Jadual 2 di bawah menunjukkan keputusan kajian tentang data demografi bagi setiap responden di perpustakaan empat buah daerah terpilih di negeri Kelantan, iaitu Kota Bharu, Bachok, Tumpat dan Pasir Mas. Jadual 2 memperlihatkan bahawa 59.0% responden adalah lelaki manakala 41.0% ialah perempuan. Bagi pengagihan mengikut kaum, bangsa Melayu mencatatkan bilangan responden yang tertinggi (92.2%), bangsa Cina (5.5%), bangsa India (0.3%) dan lain-lain bangsa (0.2%). Dari segi umur responden, umur 55-60 mencatatkan bilangan responden yang tertinggi (49.5%), umur 61-65 (25.6%), umur 66-70 (15.4%) dan umur 71 ke atas (9.6%).

Pola anutan agama di negeri Kelantan pula mencatatkan agama Islam merupakan agama dominan yang dianuti oleh masyarakat Kelantan (93.2%), Buddha (5.1%), Kristian (1%) dan nilai 0.3% pula dicatatkan pada responden beragama Sikh dan lain-lain agama. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2018), sebanyak 96.0% masyarakat di negeri Kelantan adalah penduduk bumiputera, sama ada penduduk bangsa Melayu mahupun orang Asli. Selain itu, 3.1% diwakili oleh masyarakat berbangsa Cina, 0.3% oleh masyarakat berbangsa India dan bangsa lain-lain dengan 0.6%.

Lanjutan daripada statistik di atas, umum telah mengetahui bahawa masyarakat di bahagian Pantai Timur Malaysia majoritinya dihuni oleh masyarakat berbangsa Melayu. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa data terkini tentang bangsa-bangsa di negeri Kelantan berdasarkan statistik adalah selari dengan data kajian pembahagian kaum yang telah dilakukan.

Begitu juga dengan tahap pendidikan responden yang ditemui, kebanyakan mereka mendapat pendidikan hingga ke tahap SPM (27.1%), tahap STP/STPM/Diploma (18.5%), tamat sekolah rendah (17.1%), tamat SRP (16.4%), ijazah (14.7%), tidak pernah bersekolah (4.1%) dan lain-lain tahap pendidikan iaitu mereka yang mengikuti kursus-kursus pensijilan (2.1%). Bertitik tolak daripada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang dipetik dalam Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2014), secara umumnya, kadar celik huruf di Malaysia bagi mereka yang berumur 15 tahun dan ke atas meningkat sejak tahun 1990 hingga 2013, dengan 91.5% hingga 96.1% bagi lelaki dan 78.5% hingga 92.1% bagi wanita. Di samping itu, dengan berfokuskan kepada kadar celik huruf di Kelantan pada tahun 2000-2010, peratusan celik huruf bagi mereka yang berumur 10-64 tahun telah memberi kesan positif dengan peningkatan dari 90.4% kepada 95.7% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Daripada statistik di atas, dapat dilihat bahawa perkhidmatan dan fasiliti pendidikan yang disediakan sangat membantu dalam meningkatkan kadar celik huruf di negeri Kelantan, yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan kadar celik huruf di Malaysia.

Dalam bahagian jenis pekerjaan responden, mereka yang tidak bekerja mencatatkan peratusan tertinggi (32.8%), golongan pesara (23.2%), golongan bekerja sendiri (21.5%), penjawat awam (18.4%) dan pekerja sektor swasta (4.1%). Seterusnya, bagi bahagian kekerapan responden datang ke perpustakaan, skor tertinggi direkodkan pada responden yang jarang datang ke perpustakaan (38.2%), kerap (21.2%), sangat jarang (18.8%), tidak pernah datang (14.3%) dan sangat kerap datang ke perpustakaan (7.5%).

Jika diteliti dengan lebih mendalam, jenis pekerjaan responden mempunyai kaitan yang rapat dengan kekerapan mereka datang ke perpustakaan. Golongan yang tidak bekerja dengan peratusan tinggi adalah terdiri daripada mereka yang menjadi suri rumahtangga sepenuh masa. Justifikasinya, tanggungjawab utama mereka adalah menguruskan keluarga terlebih dahulu berbanding tugas-tugas lain seperti datang ke perpustakaan. Oleh sebab itu, golongan ini sesuai untuk dikategorikan sebagai mereka yang jarang hadir ke perpustakaan. Hal ini membuktikan bahawa golongan ini masih lagi memperuntukkan masa untuk datang ke perpustakaan walaupun dihambat dengan kesibukan menguruskan keluarga.

**Jadual 2: Data Demografi Responden**

Aspek Demografi	Frekuensi	Peratus (%)	Purata
<b>Jantina</b>			
Lelaki	173	59.0	-
Perempuan	120	41.0	-
<b>Umur</b>			
55-60	145	49.5	-
61-65	75	25.6	-
66-70	45	15.4	-
71 dan ke atas	28	9.6	-
<b>Agama</b>			
Islam	273	93.2	-
Buddha	15	5.1	-
Hindu	-	-	-
Kristian	3	1.0	-
Sikh	1	0.3	-
Lain-lain	1	0.3	-
<b>Kaum</b>			
Melayu	270	92.2	-
Cina	16	5.5	-
India	1	0.3	-
Lain-lain	6	2.0	-
<b>Tahap Pendidikan</b>			
Tidak pernah bersekolah	12	4.1	-
Sekolah rendah	50	17.1	-
SRP	48	16.4	-
SPM	79	27.1	-
STP/STPM/Diploma	54	18.5	-
Ijazah	43	14.7	-
Lain-lain	6	2.1	-
<b>Pekerjaan</b>			
Sektor awam	54	18.4	-
Sektor swasta	12	4.1	-
Pesara	68	23.2	-
Bekerja sendiri	63	21.5	-
Tidak bekerja	96	32.8	-
<b>Kekerapan datang ke perpustakaan</b>			
Tidak pernah	42	14.3	-
Sangat jarang	55	18.8	-

Jarang	112	38.2	-
Kerap	62	21.2	-
Sangat kerap	22	7.5	-

Selanjutnya, Jadual 3 pula memuatkan dapatan mengenai jenis bahan bacaan sastera yang menjadi pilihan para responden di perpustakaan empat buah daerah yang terpilih di negeri Kelantan. Jadual 3 berikut menunjukkan peratusan dua bentuk bahan bacaan yang dipilih oleh responden, iaitu Kesusasteraan Melayu Tradisional mencatatkan peratusan tertinggi dengan 64.9% berbanding Kesusasteraan Melayu Moden dengan 35.1%. Sementara itu, pada ruangan jenis bahan bacaan, didapati bahawa buku-buku Kesusasteraan Melayu Tradisional yang paling diminati oleh responden. Sebilangan besar responden lebih cenderung untuk membaca bahan bacaan keagamaan, misalnya sastera agama/kitab dan cerita nabi dan para sahabat (26.7%) mencatatkan peratusan tertinggi, diikuti dengan cerita rakyat (11.5%), sastera sejarah dan lagenda (5.8%), puisi (pantun, mantera) (4.7%), sastera hikayat (4.2%), mitos dengan (3.7%), puisi tradisional (syair, gurindam, seloka) (3.1%), dan sastera epik, sastera undang-undang (hukum kanun) dan sastera panji (hikayat panji) (2.6%).

Oleh hal yang demikian, dapatan bagi kajian yang telah dijalankan adalah selari dengan pendapat Mariam Abd. Majid *et al.* (2017,p. 3) dalam kajian mereka, yang menjelaskan bahawa mempelajari ilmu-ilmu agama merupakan satu daripada kegiatan utama masyarakat warga tua. Antara ilmu-ilmu agama yang diajar adalah tasawuf, tauhid dan fekah dengan menggunakan kitab-kitab agama seperti *Bahr al- Mazi*, *Siyar al-Salikin* dan *Dar al Sami`in*. Dengan demikian, dapat dibuktikan bahawa jenis bahan bacaan seperti sastera agama/kitab penting bagi memudahkan warga tua mendalami ilmu agama, sekali gus menambahkan minat mereka terhadap bidang kesusasteraan secara tidak langsung.

Selain itu juga, kajian yang dijalankan oleh Sahlawati Abu Bakar *et al.* (2016, p. 17) di Pondok Madrasah Ar-Rahmaniah Ad-Diniah, Lubuk Tapah, Kelantan mendapati bahawa terdapat responden warga emas yang mempunyai kesedaran terhadap kepentingan mendalami ilmu agama di usia tua. Oleh itu, mereka sendiri secara sukarela mendaftarkan diri di pondok tersebut kerana mengetahui tentang program pengajian Islam yang ditawarkan kepada golongan sepertinya.

Statistik yang telah dikeluarkan oleh MAMPU (2017) menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 30 pusat pendidikan bersistemkan pondok terdapat di seluruh negeri Kelantan menguatkan lagi pendapat Sahlawati Abu Bakar *et al.* (2016). Dengan statistik ini, dapat dilihat gambaran yang jelas bahawa buku-buku berunsurkan keagamaan amat penting untuk diperuntukkan di perpustakaan setempat bagi membantu warga tua menggunakan sebagai bahan utama atau bahan sampingan dalam mempelajari ilmu-ilmu agama.

Sastera epik, sastera undang-undang (hukum kanun) dan sastera panji (hikayat panji) mencatatkan peratusan terendah iaitu dengan 2.6%. Hal ini dapat dibuktikan dengan kajian Norazimah Zakaria *et al.* (2019, p. 268-269) bahawa Kesusasteraan Melayu Tradisional penuh dengan elemen-elemen mitos, berbaur dengan unsur fantasi dan dongeng. Oleh itu, bagi warga tua yang sedang dalam proses mendalami ilmu agama, bahan bacaan sastera jenis ini kurang diminati kerana dianggap menyimpang dari ajaran Islam.

Manakala bahagian Kesusasteraan Melayu Moden pula, cerpen (26.7%) mendapat peratusan tertinggi sebagai bahan bacaan utama yang paling diminati, diikuti novel dengan (23.8%), drama dan sajak (19.8%) dan eseи dan kritikan (9.9%). Menurut Chew Fong Peng (2013), genre cerpen lebih digemari disebabkan oleh pembawaan watak dalam sebuah peristiwa adalah terbatas, berbanding novel yang mempunyai peristiwa-peristiwa yang panjang dan kompleks. Sebaliknya, cerpen lebih mengisahkan cerita dalam jangka masa yang pendek dan plot penceritaan yang tidak rumit, berbanding novel. Cerpen sebagai cerita pendek (A. Wahab Ali, 2009, p. 110), sekali gus memudahkan warga tua untuk membacanya. Warga tua didapati tidak meminati jenis bahan bacaan sastera berbentuk eseи dan kritikan. Esei dan kritikan telah mendapat peratusan terendah kerana disifatkan lebih teknikal dan memerlukan asas yang kuat untuk memahaminya.

**Jadual 3: Jenis Bahan Bacaan Sastera Pilihan**

<b>Jenis bahan bacaan sastera pilihan</b>		
	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
Kesusasteraan Melayu Tradisional	189	64.9
Kesusasteraan Melayu Moden	102	35.1
<b>Kesusasteraan Melayu Tradisional yang diminati</b>		
Mitos	7	3.7
Lagenda	11	5.8
Cerita rakyat	22	11.5
Sastera sejarah	11	5.8
Puisi tradisional (syair, gurindam, seloka)	6	3.1
Puisi (pantun, mantera)	11	4.7
Sastera hikayat	8	4.2
Sastera epik	5	2.6
Sastera undang-undang (hukum kanun)	5	2.6
Sastera agama/kitab	51	26.7
Sastera panji (hikayat panji)	5	2.6
Cerita nabi dan para sahabat	51	26.7
<b>Kesusasteraan Melayu Moden yang diminati</b>		
Novel	24	23.8
Cerpen	27	26.7
Drama	20	19.8
Sajak	20	19.8
Esei dan Kritikan	10	9.9

Berdasarkan Jadual 4 di bawah, dijelaskan tentang kandungan jenis bahan sastera. Bagi tema pilihan dalam bahan bacaan sastera, tema keagamaan merekodkan peratusan tertinggi sekali dengan 51.9%, kemasyarakatan dengan 24.6%, politik dengan 8.5%, pendidikan dengan 8.2%, alam sekitar dengan 3.4%, ekonomi dengan 2.4%, lain-lain tema dengan 0.7% dan futuristik dengan 0.3%.

Selain itu, bagi nilai-nilai pilihan dalam bahan bacaan sastera, nilai ketuhanan merupakan nilai yang menjadi pilihan utama responden dengan mencatatkan 43.7%, nilai kekeluargaan dengan 15.7%, nilai jati diri dengan 13.3%, nilai kesihatan dengan 5.8%, nilai kejiranan dan kesejahteraan persekitaran dengan 5.5%, nilai kestabilan ekonomi dan nilai keselamatan dengan 4.8% dan lain-lain nilai dengan 1.0%. Berdasarkan dapatan kajian tentang kandungan bahan bacaan sastera tentang tema dan nilai, para responden lebih meminati tema keagamaan dan ketuhanan sebagai pilihan utama berbanding tema dan nilai-nilai lain yang dinyatakan. Hal ini selaras dengan fitrah bagi seseorang itu untuk lebih cenderung ke arah kebaikan dan kerohanian ketika umurnya sudah lanjut (Moberg, 2005). Di samping itu, peningkatan umur seseorang juga menyumbang kepada keperluan spiritual dan kerohanian yang lebih baik (Koenig, 2006).

Sebaliknya, tema futuristik mencatatkan peratusan terendah sekali dengan 0.3% sahaja. Hal ini dijelaskan dalam kajian yang dijalankan oleh Safinah Ismail et al. (2017) bahawa usia yang sudah lanjut menyebabkan warga tua lebih cenderung untuk mendalami ilmu-ilmu agama agar dapat diamalkan dan mendekatkan diri kepada Tuhan dalam baki kehidupan mereka, sekali gus menjadi bekalan untuk hari akhirat.

Pendapat Safinah Ismail et al. (2017) disokong dengan kajian yang telah dijalankan oleh Arasy dan Mashitah (2019) yang menyatakan bahawa sisa usia yang masih berbaki ini harus digunakan oleh

para warga emas dengan sebaiknya seperti menuntut ilmu agama sebagai persediaan untuk ke alam akhirat. Oleh itu, dapat dilihat dengan jelas bahawa tema futuristik adalah sangat rendah peratusannya berbanding tema-tema lain kerana warga tua lebih fokus memikirkan hal-hal berkaitan keagamaan bagi menyiapkan diri mereka menuju alam akhirat berbanding memikirkan perkara-perkara yang tidak pasti.

Seterusnya, 1.0% pula dicatatkan pada bahagian lain-lain nilai, iaitu merangkumi nilai sejarah dan warisan yang dipilih oleh segelintir responden. Pembaca yang menyelami nilai-nilai sejarah yang terdapat dalam sesebuah karya sastera akan menyumbang kepada pemahaman kehidupan dan kemanusiaan sebagai pengajaran.

**Jadual 4: Kandungan Bahan Bacaan Sastera**

<b>Tema pilihan dalam bahan bacaan sastera</b>		
	Frekuensi	Peratus (%)
Keagamaan	152	51.9
Kemasyarakatan	72	24.6
Futuristik	1	0.3
Pendidikan	24	8.2
Alam Sekitar	10	3.4
Ekonomi	7	2.4
Politik	25	8.5
Lain-lain	2	0.7
<b>Nilai-Nilai pilihan dalam bahan bacaan sastera</b>		
Ketuhanan	128	43.7
Jati Diri	39	13.3
Kesihatan	17	5.8
Kejiraninan	16	5.5
Kekeluargaan	46	15.7
Keselamatan	14	4.8
Kesejahteraan persekitaran	16	5.5
Kestabilan ekonomi	14	4.8
Lain-lain	3	1.0

Perbincangan seterusnya adalah berkenaan cadangan warga tua terhadap bahan bacaan sastera yang sepatutnya ada di perpustakaan. Perkara ini boleh dirujuk berdasarkan Jadual 5 yang diberikan di bawah. Cadangan bahan bacaan sastera berunsurkan agama mendapat skor peratusan tertinggi seperti cerita nabi dan para sahabat (21.6%) dan sastera agama/kitab (16.4%). Selebihnya, bahan bacaan sastera yang dicadangkan oleh para responden ialah sastera sejarah (9.2%), cerita rakyat (8.6%), novel (6.2%), cerpen (5.8%), sastera undang-undang (hukum kanun) (4.5%), puisi tradisional (syair, gurindam, seloka) (4.1%), sajak (3.8%), esei dan kritikan (3.4%), puisi (pantun, mantera), sastera hikayat dan drama (3.1%), mitos (2.7%), lagenda (2.1%), sastera panji (hikayat panji) (1.7%) dan sastera epik (0.7%).

Bahan sastera yang patut diterbitkan dengan tema keagamaan merekodkan peratusan tertinggi (44.0%), diikuti dengan tema kemasyarakatan (21.5%), pendidikan (11.9%), politik, ekonomi dan alam sekitar (6.1%), futuristik (3.4%) dan lain-lain (0.7%). Hal ini sejajar dengan kajian-kajian yang dilaksanakan terhadap keperluan dan impak pendidikan bagi warga tua dalam kehidupan. Wan Ibrahim *et al.* (2009) yang menganalisis sikap warga tua di kawasan desa di Kelantan, mendapati bahawa pendidikan merupakan elemen utama dalam mencapai kesejahteraan hidup mereka. Sebaliknya, kajian Elmi dan Zainab (2013) mencadangkan dalam kajiannya agar warga tua mempelajari asas-asas agama dan menghadiri kuliah-kuliah agama yang diadakan supaya dapat membina

kecerdasan rohaniah mereka. Antara saranan lain dalam kajian mereka adalah dengan menyediakan modul yang bertepatan dan dapat memenuhi keperluan rohani serta kemudahan dan prasarana yang baik agar warga tua lebih selesa dalam mempelajari ilmu agama.

Dalam satu kajian lain, Wan Mohd Yusuf *et al.* (2017) mengesyorkan program-program berunsurkan kerohanian seperti majlis-majlis ilmu dan galakan-galakan lain bagi meneruskan pembelajaran yang penting bagi setiap warga tua. Hal ini dianggap signifikan kerana melalui aktiviti terancang, penyertaan warga emas dapat menguatkan semangat kerohanian mereka dalam meneruskan kehidupan seharian.

**Jadual 5: Cadangan Bahan Bacaan Sastera di Perpustakaan**

<b>Cadangan jenis bahan sastera yang patut ada di perpustakaan yang dikunjungi.</b>		
	Frekuensi	Peratus (%)
Mitos	8	2.7
Lagenda	6	2.1
Cerita rakyat	25	8.6
Sastera sejarah	27	9.2
Puisi tradisional (syair, gurindam, seloka)	12	4.1
Puisi (pantun, mantera)	9	3.1
Sastera hikayat	9	3.1
Sastera epik	2	0.7
Sastera undang-undang (hukum kanun)	13	4.5
Sastera agama/kitab	48	16.4
Sastera panji (hikayat panji)	5	1.7
Cerita nabi dan para sahabat	63	21.6
Novel	18	6.2
Cerpen	17	5.8
Drama	9	3.1
Sajak	11	3.8
Esei dan Kritikan	10	3.4
<b>Cadangan tema bahan sastera yang patut diterbitkan</b>		
Keagamaan	129	44.0
Kemasyarakatan	63	21.5
Pendidikan	35	11.9
Alam Sekitar	18	6.1
Politik	18	6.1
Futuristik	10	3.4
Ekonomi	18	6.1
Lain-lain	2	0.7

## Rumusan

Kesimpulannya, responden yang terdiri daripada warga tua di empat buah daerah di negeri Kelantan, iaitu Kota Bharu, Bachok, Tumpat dan Pasir Mas menggemari sastera berunsur agama sebagai bentuk bahan bacaan utama yang telah dipilih oleh mereka. Mereka memilih karya-karya jenis sastera agama atau kitab serta cerita nabi, dan cerita para sahabat nabi sebagai medium bacaan utama ketika berkunjung ke perpustakaan di kawasan masing-masing. Di samping itu, warga tua juga cenderung memilih cerita pendek (cerpen) sebagai bahan bacaan mereka yang lebih santai.

Bahan bacaan sastera yang bertema dan berunsurkan keagamaan serta ketuhanan menjadi pilihan utama warga tua. Fitrah keberadaan warga tua yang mula semakin meneguhkan iman dan takwa menyebabkan mereka meningkatkan pembacaan terhadap bahan-bahan yang mengandungi ilmu untuk mendekatkan diri dengan Tuhan. Justeru itu, majoriti warga tua di keempat-empat daerah mencadangkan agar perpustakaan desa mempertingkatkan perolehan bahan bacaan berteraskan keagamaan sebagai rujukan mereka.

Secara keseluruhannya, hasil atau dapatan kajian yang telah dipaparkan di atas dapatlah dibuktikan dengan jelas bahawa perpustakaan desa merupakan satu hub ilmu terpenting dalam kalangan masyarakat luar bandar, termasuk para warga tua. Hal ini kerana dengan kewujudan perpustakaan, masyarakat setempat lebih mudah untuk mendapatkan akses kepada ilmu. Fungsi perpustakaan di luar bandar perlu dipergiatkan lagi dalam kalangan masyarakat agar institusi ini kekal relevan dengan perubahan semasa.

## PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Malaya atas sumbangan dan penyelidikan berkod FRGS/1/2018/SS102/UM/02/2 (FP006-2018A).

## RUJUKAN

- A.Wahab Ali (2009). Perkembangan Cerpen Melayu: Dari Cerita Moyang ke *Dewan Sastera. Sari*, 27, 109-123.
- Arasy Masut@Masod dan Mashitah Abdul Mutualib (2019). Menerajui Usia Emas Yang Berkualiti: Kajian Kes Di Pondok Warga Emas, Madrasah Ibnu Mas'ud, Segamat. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, Vol. 6, 25-29.
- Alimah Salam dan Mohd. Sharif Mohd Saad (2001). *Pengukuhan dan Promosi Sastera Kanak-Kanak dan Remaja: Peranan dan Cabaran Perpustakaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Balqis Syuja' (Mac, 2012). *Perpustakaan Islam di Malaysia Masa Kini*. Prosiding Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan: Perpustakaan Masjid: Pemangkin Ketamadunan Ummah, Gombak. Diakses pada 8 Oktober 2020, daripada <http://myrepositori.pnm.gov.my/handle/123456789/4166>
- Che Su Mustaffa & Nan Zakiah Megat Ibrahim (2014). Persepsi dan penggunaan media sosial dari perspektif ibu bapa: satu analisis kualitatif. *Jurnal Komunikasi*, 30 (Special Issue), 43-74.
- Chew Fong Peng (2013). *Cerpen dan Perpaduan Nasional*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Elmi Baharuddin dan Zainab Ismail (2013). Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua dengan Amalan Agama di Rumah Kebajikan. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 35(1), 19-28.
- Fatimah Abdillah (1999). *Keberkesanan Penggunaan Perpustakaan Desa di Sabah*, Tesis Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Koenig, H. (2006). Religion, Spirituality and Aging. *Aging and Mental Health*, 10(1), 1-3.
- Mariam Abd. Majid, Sahlawati Abu Bakar, Safinah Ismail dan Zabidi Abd. Razak. (2017). Program Pendidikan Warga Emas Di Institusi Pondok Al-Jenderami Negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Negeri Selangor*, 1(1), 1-13.
- Moberg, D. (2005). Research in Spirituality, Religion and Aging. *Journal of Gerontological Social Work*, 45(1/2):11-40.
- Mohd Ismail Abidin, Siti Haidah Md Aziz, Hazlin Ibrahim Khan dan Mohd Isham Abidin (2013). Kajian Mengenai Penawaran Aplikasi Web 2.0: Transformasi Perkhidmatan Perpustakaan Awam Dan Penerimaannya Di Kalangan Remaja. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar kebangsaan Pustakawan Malaysia (SKPM)* "Transformasi Perpustakaan Dan Perubahan Budaya: Peranan Pustakawan", Hotel Mahkota, Melaka. Diakses pada 12 November 2020, daripada [https://www.researchgate.net/publication/306014950\\_Kajian\\_Mengenai\\_Penawaran\\_Aplikasi\\_Web\\_20\\_transformasi\\_Perkhidmatan\\_Perpustakaan\\_Awam\\_dan\\_Penerimaannya\\_di\\_Kalangan\\_Remaja](https://www.researchgate.net/publication/306014950_Kajian_Mengenai_Penawaran_Aplikasi_Web_20_transformasi_Perkhidmatan_Perpustakaan_Awam_dan_Penerimaannya_di_Kalangan_Remaja).
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun, dan Farra Humairah Mohd (2019). Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(6), 78-87.

Safinah Ismail, Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid, Ahmad Zabidi Abdul Razak, Noor Atika Shafinaz Ahmad Nazri (2017). *Analisis Keperluan Warga Emas Terhadap Pendidikan Pondok: Kajian Di Pondok Rahmaniah Lubuk Tapah*, Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017), Bandar Seri Putra. Diakses pada 10 November 2020 daripada <http://conference.kuis.edu.my/irsyad/images/eproceeding/2017/1008.pdf>

Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid, Ahmad Zabidi Abdul Razak dan Safinah Ismail (2016). Faktor Pemilihan Pondok Oleh Warga Emas: Kajian Di Pondok Yayasan Al-Jenderami, Selangor Dan Pondok Madrasah Ar-Rahmaniah Ad-Diniah Lubuk Tapah, Kelantan. *Jurnal Pengajian Islam*, Bil. 9, Isu II, 1-23.

Samsul Farid Samsuddin (Ogos, 2014). Peranan dan Keperluan Perpustakaan Kepada Generasi Masa Depan: Perpustakaan Desa. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia: Transformasi Perpustakaan Dan Perubahan Budaya: Peranan Pustakawan, Melaka, Malaysia. Diakses pada 9 November 2020, daripada <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/27816/>

Samsul Farid Samsuddin, Siti Zobidah Omar, Jusang Bolong, Jeffrey Lawrence D`Silva, Hayrol Azril Mohamed Shaffril and Raidah Marzuki (2016). Pattern of Rural Library Usage among Rural Youth in Malaysia. *The Social Sciences*, 11(3), 216-223.

Siti Zobidah Omar, Jusang Bolong, Jeffrey Lawrence D'Silva, Samsul Farid Shamsuddin, Raidah Mazuki & Hayrol Azril Mohamed Shaffril (2016). The Quality of the Rural Library Services in Malaysia: The Views of the Rural Community. *The Social Sciences*, 11(3), 179-185.

Wan Ab Kadir Wan Dollah, Shamsul Kamal, Ezza Rafedziawati Kamal, Azman Ibrahim, Hasnah Abdul Rahim, Mohd Zairul Masron, Mohd Ridzuan Ibrahim, Mohamed Effendy Rahmat (2017). Inculcating Reading Habits among Secondary School Students. *Journal of Scientific and Engineering Research*, 4(8), 407-416.

Wan Ibrahim Wan Ahmad, Ma'rof Redzuan, Zahid Emby, Abdul Halin Hamid (2009). Kesejahteraan Subjektif Wargatua di Malaysia: Kes Masyarakat Desa Kelantan. *International Journal of Management Studies*, 16 (2), 63-96.

Wan Mohd Yusuf Wan Chik, Abdul Wahab Md. Ali, Zulkifli Mohamad, Ahmad Faizal Ramly dan Farah Syazrah Mohd Ghazalli (2017). Pembinaan Keluarga Sejahtera: Analisis Terhadap Prinsip 'Keluarga Bahagia Rakyat Sejahtera' Dalam Transformasi Terengganu Baharu. *Journal of Nusantara Studies*, Vol 2(2), 306-318.

Zawiyah Baba. Peranan Perpustakaan Sebagai Pusat Budaya. Diakses pada 25 Disember 2019, daripada [http://lib.perdana.org.my/PLF/News\\_2006/18-Aug-2006/UM/Others/UM-31072006d.pdf](http://lib.perdana.org.my/PLF/News_2006/18-Aug-2006/UM/Others/UM-31072006d.pdf)

Zawiyah M. Yusof. (2010, Januari-Jun). Peranan Perpustakaan Dalam Pembangunan e-Masyarakat. *Inspirasi: Berita Perpustakaan*, 13-14. Diakses pada 21 Disember 2019, daripada [http://www.ukm.my/ptsl/PDK/Inspirasi\\_6\\_2010.pdf](http://www.ukm.my/ptsl/PDK/Inspirasi_6_2010.pdf)